

Headline	Misi belum selesai		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	21 Feb 2017	Language	Malay
Circulation	179,231	Readership	537,693
Section	Arena	Page No	53
ArticleSize	450 cm ²	Journalist	Ferzalfie Fauzi
PR Value	RM 52,977		



Roslan mahu pastikan KLHC juara Piala TNB sekali gus muncul juara berganda

Ferzalfie Fauzi
ferzalfie@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Selepas membantu Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) merampas kejuaraan Liga Perdana dalam Liga Hoki Malaysia TNB daripada Terengganu Hockey Team (THT), penjaga gol Roslan Jamaluddin mengakui perjuangan mereka masih belum selesai.

Menurut penjaga gol veteran negara itu, apa yang diraih mereka dalam perlawanan terakhir liga kelmarin adalah sebahagian daripada persiapan untuk saingan Piala TNB kerana sasaran mereka adalah meraih kejuaraan berganda bagi 2017.

"Bagi saya memang kami menunggu saat ini (muncul juara liga), kerana sebelum ini kami mempunyai peluang tapi terlepas begitu saja. Bagaimanapun tahun ini, segala perancangan berjalan dengan baik ter-



PEMAIN KLHC Razie Rahim dan Izad Hakimi (kanan) mengulangi asakan pemain THT Fitri Saari (kiri).

Misi belum selesai

HOKI LIGA PERDANA

KEDUDUKAN TERAKHIR

Pasukan	P	M	S	K	J	B	Mt
KLHC	14	11	3	0	61	21	36
THT	14	10	3	1	73	14	33
UniKL	14	8	2	4	36	19	26
TNB	14	7	4	3	45	20	25
Maybank	14	6	1	7	32	39	19
Thunderbolts	14	4	1	9	24	44	13
SSTMI	14	1	2	11	9	69	5
UTM-KPT	14	0	2	12	16	70	2

masuk dari segi kejurulatihan. Semua pemain melakukan persiapan rapi kerana sasaran untuk Piala TNB sama seperti saingan liga," katanya.

Selepas kempunan selama tiga tahun berturut-turut (2014, 2014 dan 2016), KLHC kembali mengulangi kejayaan seperti yang diraih dari 2009 hingga 2013 apabila

muncul juara liga selepas menumpaskan THT 3-2 dalam perlawanan terakhir liga bagi penentuan juara malam kelmarin.

"Memang ia satu perla-

wanan seperti yang kami jangkakan, sangat sukar buat kedua-dua pasukan. Bagaimanapun, untuk KLHC saya lihat semua memberikan persembahan 100

peratus dalam padang. Bagi kami untuk perlawanan terakhir liga, tidak ada apa lagi untuk disimpan dan memang kami memberikan segalanya.

"Kami terpaksa menunggu hingga saat akhir untuk memperoleh jaringan kemenangan dan dalam masa sama mengekang serangan THT. Hari ini (kelmarin) kami nampak keharmonian dalam satu pasukan yang membawa kepada kemenangan," kata Roslan yang juga jurulatih penjaga gol skuad wanita negara.

Ditanya mengenai khidmatnya bersama KLHC selepas menabur bakti selama 18 tahun, Roslan mengakui aksi untuk tahun ini masih belum diputuskan sama ada penampilan terakhir bersama kelab itu.

"Perasaan hendak bersara itu memang ada tapi seperti sebelum ini saya memang sukar untuk membuat keputusan ketika masih aktif bersama pasukan kebangsaan. Bila khidmat masih diperlukan saya tetap bersama KLHC. Sekarang fokus saya hanya pada Piala TNB dan sebarang keputusan selepas itu," ujarnya.

Piala TNB menyaksikan KLHC akan menentang Tenaga Nasional Berhad (TNB) manakala THT pula berdepan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) pada separuh akhir esok dan Jumaat ini di Stadium Hoki Tun Razak, Jalan Dutra.

"Bagi saya memang kami menunggu saat ini, kerana sebelum ini kami mempunyai peluang tapi terlepas begitu saja"

Roslan Jamaluddin